

TERMA DAN SYARAT
Kempen “ CIMB FD/FD-i UT Bundle Campaign 2025”

1. **Kempen “CIMB FD/FD-i UT Bundle Campaign 2025” (“Kempen”)** dianjurkan bersama oleh CIMB BANK BERHAD [No. Pendaftaran: 197201001799] (“**CIMB Bank**”) dan CIMB ISLAMIC BANK BERHAD [No. Pendaftaran: 200401032872] (“**CIMB Islamic**”). CIMB Bank dan/atau CIMB Islamic hendaklah disebut secara kolektif di sini sebagai “**CIMB**”.

Tempoh Kempen

2. Kempen ini akan berlangsung dari **1 Julai 2025 hingga 31 Julai 2025**, termasuk kedua-dua tarikh tersebut (“**Tempoh Kempen**”).

Kelayakan

3. Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan CIMB yang baharu-dana unit amanah dan sedia ada-dana unit amanah (selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai “**Pelanggan Layak**”).
- Pelanggan-Baharu-Dana Unit Amanah merujuk kepada individu yang, pada tarikh penyertaan, tidak mempunyai sebarang akaun unit amanah atau unit amanah yang mematuhi Syariah (selepas ini dirujuk secara kolektif sebagai “akaun UT”) atau mempunyai baki unit amanah atau unit amanah yang mematuhi Syariah (selepas ini dirujuk secara kolektif sebagai “baki UT”) sebanyak RM0 setakat 30 April 2025. Pelanggan sedemikian layak untuk menyertai kempen ini dan menikmati kadar keutamaan Deposit Tetap (FD) yang ditawarkan di bawah tier Pelanggan-Baharu-Dana Unit Amanah. Penyertaan boleh dilakukan lebih daripada sekali sepanjang tempoh kempen, tertakluk kepada had jumlah keseluruhan langganan FD/FD-i sebanyak RM3,000,000.
 - Pelanggan-Sedia Ada-Dana Unit Amanah merujuk kepada pelanggan yang pada saat penyertaan, mempunyai baki UT lebih dari RM 1. Pelanggan sedemikian layak untuk menyertai kempen ini dan menikmati kadar keutamaan FD/FD-i yang ditawarkan di bawah tier Pelanggan-Sedia Ada-Dana Unit Amanah. Penyertaan boleh dilakukan lebih daripada sekali sepanjang tempoh kempen, tertakluk kepada had jumlah keseluruhan langganan FD/FD-i sebanyak RM3,000,000. Sekiranya seorang pelanggan mempunyai baki UT atau telah membuka akaun UT pada bila-bila masa dari 1 Mei 2025 dan seterusnya, dia akan dianggap sebagai pelanggan-Sedia Ada-Dana Unit Amanah.
4. Untuk mengelakkan keraguan, orang/entiti berikut TIDAK layak menyertai Kempen ini: -
- a) Perusahaan kecil sederhana/perbankan perusahaan/pelanggan komersial dan korporat seperti yang ditentukan oleh CIMB yang termasuk tetapi tidak terhad kepada ketuanpunyaan tunggal, perkongsian, organisasi/persatuan amal/bukan untung, pelanggan korporat dan komersial, syarikat tersenarai awam, syarikatendirian berhad, kelab, pertubuhan dan koperasi; dan/atau
 - b) Individu di bawah umur 18 tahun; dan/atau
 - c) Orang Amerika Syarikat seperti yang ditakrifkan di bawah (terpakai bagi Dana Unit Amanah Konvensional/Dana Unit Amanah Patuh Syariah atau apa-apa produk lain, sebagaimana yang mungkin):
 - i) Mana-mana warganegara atau pemastautin Amerika Syarikat, termasuk mana-mana orang dengan domisil Amerika Syarikat; atau
 - ii) Mana-mana orang dengan alamat surat-menyurat akaun Amerika Syarikat; atau
 - iii) Mana-mana orang yang memegang Kad Hijau Amerika Syarikat; atau
 - iv) Mana-mana orang yang memenuhi “*substantial presence test*”, iaitu seseorang yang berada di Amerika Syarikat selama sekurang-kurangnya 183 hari kalendar dengan mengira semua hari (sekurang-kurangnya 31 hari) pada tahun semasa, 1/3 daripada hari-hari pada tahun sebelumnya, dan 1/6 daripada hari-hari pada tahun kedua sebelumnya; atau
 - v) Mana-mana orang yang ditakrifkan sebagai Orang Amerika Syarikat untuk tujuan Cukai Amerika Syarikat; dan/atau

Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Layak menyatakan dan mengesahkan bahawa beliau tidak tergolong dalam kategori orang/entiti yang dikecualikan di atas.

5. Berhubung dengan akaun bersama, hanya pemegang akaun yang pertama dinamakan, iaitu pemegang akaun utama akan layak untuk menyertai Kempen ini ("**Pemegang Akaun Utama**"). Bagi mengelakkan keraguan, pemegang akaun bersama selain daripada Pemegang Akaun Utama tidak layak menyertai Kempen ini.

Mekanisme Kempen

6. Kempen ini terdiri daripada promosi berikut: -
 - a) Simpanan Tetap ("FD") yang dipakejkan dengan Dana Unit Amanah Penyertaan Konvensional terpilih (seperti yang ditakrifkan dalam Fasal 15);
 - b) Simpanan Tetap-i ("FD-i") yang dipakejkan dengan Dana Unit Amanah Penyertaan patuh Syariah terpilih (seperti yang ditakrifkan dalam Fasal 15).
7. Dana Unit Amanah Konvensional dan Dana Unit Amanah patuh Syariah hendaklah kemudian dari ini disebut secara kolektif sebagai "**Dana Unit Amanah Penyertaan**".
8. Tertakluk pada Terma dan Syarat di sini, Pelanggan Layak akan layak memperoleh **Kadar Keuntungan FD/FD-i** seperti yang dinyatakan di bawah dalam FD/FD-i baharu yang diwujudkan dengan CIMB semasa Tempoh Kempen:
9. Untuk menikmati Tawaran, Pelanggan Layak mesti memenuhi kriteria berikut dan kriteria yang dinyatakan dalam Jadual A:-
 - a) Kempen buka kepada semua pelanggan CIMB yang tidak mempunyai Dana Unit Amanah atau baki Dana Unit Amanah pada RM0 setakat 30 April 2025 atau sedia ada-Dana Unit Amanah;
 - b) Pelanggan Layak merupakan pemegang akaun utama pada waktu penyertaan Kempen ini **DAN**
 - c) mengambil Tawaran seperti yang ditakrifkan dalam Jadual A di bawah.

Jadual A

Jenis Pakej ("Pakej")	Jenis Pelanggan	Kadar Keuntungan FD/FD-i (setahun)	Tempoh FD/FD-i	Nisbah Amaun (RM) FD/FD-i* : Amaun (RM) Produk Dana Unit Amanah Penyertaan	Jumlah Amaun Penempatan Minimum untuk Pakej (RM)	Sumber Dana
FD/FD-i + Dana Unit Amanah Penyertaan	Baharu-Dana Unit Amanah	8.00%	3 bulan	1:1 untuk setiap penempatan FD/FD-i dengan Dana Unit Amanah Penyertaan	RM100,000 (FD/FD-i RM50,000 : Unit Amanah RM50,000)	Baharu atau sedia ada
	Sedia Ada – Dana Unit Amanah	5.50%			RM200,000 (FD/FD-i RM100,000 : Unit Amanah RM100,000)	

*Penempatan FD/FD-i bagi setiap Pakej bagi setiap Pelanggan Layak adalah terhad kepada RM3,000,000.

10. CIMB mempunyai hak untuk menyemak Kadar Keuntungan FD/FD-i dengan serta-merta selepas notis oleh CIMB.

Apa-apa perubahan Kadar Keuntungan FD/FD-i adalah tidak terpakai kepada mana-mana penempatan FD/FD-i yang telah dibuat sebelum tarikh berkuatkuasanya perubahan tersebut.

11. Penempatan FD/FD-i dan pelaburan Dana Unit Amanah Penyertaan mesti diselesaikan pada hari yang sama.
12. Kempen ini tidak sah bersama dengan mana-mana kempen, tawaran, promosi (jika ada) dan/atau keistimewaan lain (cth. kadar kakitangan) yang ditawarkan oleh CIMB berhubung dengan Dana Unit Amanah Penyertaan dan FD/FD-i, melainkan jika dinyatakan sebaliknya.
13. Pelanggan Layak dibenarkan untuk menyertai lebih daripada satu Pakej semasa Tempoh Kempen asalkan kriteria untuk setiap Pakej seperti yang dinyatakan dalam Fasal 9 dan Jadual A dipenuhi.
14. Butiran mengenai FD/FD-i

- a) Bagi tujuan Kempen ini, FD/FD-i merujuk kepada Akaun Simpanan Tetap/Simpanan Tetapi.
- b) Kadar Keuntungan FD/FD-i terpakai untuk penempatan awal FD/FD-i selama satu (1) kitaran, i.e. tiga (3) bulan ("**Tempoh FD/FD-i**") sahaja seperti jadual A.
- c) Keuntungan akan dibayar setelah tamatnya Tempoh FD/FD-i dengan mengkreditkannya ke dalam akaun Pelanggan Layak atau menambah ke wang pokok FD/FD-i.
- d) Keuntungan FD/FD-i tidak akan dibayar sekiranya Pelanggan Layak mengeluarkan atau menarik FD/FD-i yang menyertai sebelum tempoh matang. Pelanggan Layak bersetuju untuk memberikan potongan (Ibra) kepada Bank, dalam hal ini tiada keuntungan atas jumlah yang ditarik akan dibayar oleh Bank. Tiada pengeluaran sebahagian dibenarkan untuk FD/FD-i yang telah diletakkan melalui kempen ini.
- e) **Pembaharuan: "Kadar Keuntungan FD/FD-i"** hanya terpakai untuk penempatan FD/FD-i selama tempoh 3 bulan semasa Tempoh kempen. Selepas itu, sebarang pembaharuan hendaklah tertakluk pada kadar terpampang indikatif CIMB Islamic semasa yang terpakai pada waktu pembaharuan.
- f) FD/FD-i adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("**PIDM**") setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

15. Butiran mengenai Dana Unit Amanah Penyertaan

- a) Dana Unit Amanah Penyertaan merujuk kepada:
- i) mana-mana Dana Unit Amanah dengan caj jualan paling tinggi 2.00% dan ke atas seperti yang dinyatakan dalam prospektus/memorandum maklumat dan tertakluk pada perubahan dari semasa ke semasa, termasuk semua Dana Unit Amanah baharu yang dilancarkan semasa Tempoh Kempen oleh CIMB.
- ii) mana-mana Dana Unit Amanah dengan caj jualan 3.00% dan ke atas seperti yang dinyatakan dalam prospektus/memorandum maklumat dan tertakluk pada perubahan dari semasa ke semasa, termasuk semua Dana Unit Amanah baharu yang dilancarkan semasa Tempoh Kempen oleh CIMB.
- b) Caj jualan yang dikenakan untuk Dana Unit Amanah Penyertaan hendaklah dibayar oleh Pelanggan Layak. Pelanggan Layak hendaklah merujuk kepada prospektus yang berkaitan untuk setiap dana unit amanah khusus untuk mendapatkan maklumat mengenai caj jualan yang berkenaan.
- c) Pelanggan Layak yang melabur dalam mana-mana Dana Unit Amanah Penyertaan melalui Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) – Skim Pelaburan Ahli tidak akan layak menyertai Kempen ini.

- d) Kempen ini tidak sah bersama dengan sebarang tawaran dan promosi lain (jika ada) yang ditawarkan oleh CIMB berhubung dengan pelaburan dalam Dana Unit Amanah Penyertaan.
- e) Sekiranya Pelanggan Layak menggunakan hak “cooling-off” beliau atau pelaburan ditolak atau dibatalkan oleh mana-mana pihak atas apa jua sebab dalam Tempoh Kempen, Pelanggan Layak tidak akan layak memperoleh Kadar Keuntungan FD/FD-i di bawah Kempen ini. “Cooling-off” ialah tempoh enam (6) hari perniagaan dari tarikh penerimaan permohonan Dana Unit Amanah Penyertaan Pelanggan Layak oleh CIMB.
- f) Pelanggan Layak dikehendaki supaya menandatangani semua dokumen standard yang berkaitan dan mematuhi semua terma dan syarat berkenaan dengan pelaburannya dalam Dana Unit Amanah Penyertaan, yang berasingan daripada Terma dan Syarat yang terkandung di sini.
- g) Dana Unit Amanah Penyertaan adalah diatur atau diedarkan oleh CIMB, dan akan diserahkan kepada, atau dikuatkuasakan oleh syarikat pengurusan unit amanah terpilih yang merupakan pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (“CMSA 2007”).
- h) Dana Unit Amanah Penyertaan tidak dilindungi oleh PIDM.
- i) Dana Unit Amanah Penyertaan dalam mata wang asing adalah tersedia. Amaun FD/FD-i akan ditetapkan berdasarkan kadar belian mata wang asing dalam Ringgit MYR dengan CIMB mengikut nisbah dalam Jadual A.
- j) Sebarang wang yang dikeluarkan daripada deposit yang diinsuranskan, bagi tujuan membeli Dana Unit Amanah Penyertaan, tidak lagi dilindungi oleh PIDM.
- k) Terma dan syarat berikut hendaklah juga terpakai untuk Dana Unit Amanah Penyertaan: -
 - i) Pelaburan yang dibuat dalam Dana Unit Amanah Penyertaan tidak merupakan obligasi, dijamin atau dilindungi oleh CIMB, dan adalah tertakluk pada risiko pelaburan, termasuk kemungkinan kehilangan amaun pokok yang dilaburkan; dan
 - ii) Pelanggan Layak dinasihati agar melakukan perkara berikut sebelum melabur dalam Dana Unit Amanah Penyertaan:
 - a. membaca terma dan syarat Dana Unit Amanah Penyertaan;
 - b. mempertimbangkan semua fi dan caj yang terlibat sebelum melabur; dan
 - c. menilai merit dan risiko sebarang pelaburan berdasarkan penilaian Pelanggan Layak sendiri.

Terma dan Syarat Am

- 16. Pelanggan Layak bersetuju bahawa dengan menyertai Kempen, mereka:
 - a) dikehendaki supaya membaca dan memahami Terma dan Syarat ini;
 - b) telah mengakses, membaca dan mengesahkan persetujuan mereka dengan Terma dan Syarat ini;
 - c) mengesahkan bahawa terma kontrak penting yang melibatkan obligasi mereka telah diterangkan dengan secukupnya kepada mereka;
 - d) bersetuju dengan pemprosesan dan penzahiran oleh CIMB berkenaan data peribadi mereka serta sebarang data peribadi mana-mana individu yang mungkin dikongsi oleh Pelanggan Layak dengan CIMB mengikut Notis Privasi Kumpulan CIMB pada pautan www.cimb.com.my;
 - e) bersetuju bahawa semua keputusan yang dibuat secara munasabah oleh CIMB berhubung dengan setiap aspek Kempen ini adalah muktamad, mengikat dan konklusif; dan
 - f) bersetuju bahawa CIMB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan terhadap Pelanggan Layak jika CIMB tidak dapat melaksanakan keseluruhan atau sebahagian daripada mana-mana obligasinya dalam Terma dan Syarat ini yang boleh dikaitkan secara langsung atau tidak langsung dengan:
 - i) kegagalan apa-apa peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data atau talian penghantaran;

- ii) kegagalan elektrik;
 - iii) pertikaian perindustrian, peperangan, mogok atau rusuhan;
 - iv) apa-apa bencana alam di luar kawalan CIMB; atau
 - v) apa-apa faktor di luar kawalan munasabah CIMB.
17. Pelanggan Layak akan dihilangkan kelayakannya untuk menyertai Kempen dan/atau hak Pelanggan Layak untuk mendapat Kadar Keuntungan FD/FD-i akan dilucutkan jika, semasa Tempoh Kempen dan/atau sebelum perkreditan Kadar Keuntungan FD/FD-i:
- a) Pelanggan Layak memungkirinya terma dan syarat yang mengawal Dana Unit Amanah Penyertaan dan FD/FD-i;
 - b) Dana Unit Amanah Penyertaan dan FD/FD-i ditamatkan atau ditutup atau dijadikan tertakluk pada apa-apa penahanan, perintah yang memudaratkan yang dibuat oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan di sisi undang-undang; atau
 - c) Dana Unit Amanah Penyertaan dan FD/FD-i adalah tertunggak, tidak sah atau dibatalkan oleh Pelanggan Layak atau CIMB.
18. Perkara berikut mungkin membawa kepada Deposit, Pelaburan terpilih atau Produk Bankasurans/Bankatakaful terpilih dihilangkan kelayakan bagi pengiraan baki untuk menentukan baki AUM Pelanggan Layak menurut Fasal 9 (a): -
- Akaun deposit atau produk pelaburan Pelanggan Layak dengan CIMB: -
- a) tidak berkedudukan baik; atau
 - i) disyaki oleh CIMB sebagai digunakan untuk apa-apa aktiviti tipuan; atau
 - ii) pada pendapat CIMB, telah dikendalikan dengan cara yang tidak memuaskan; atau
 - b) nama Pelanggan Layak tersiar dalam sebarang pemberitahuan atau amaran yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang berkaitan, atau pihak berkuasa tempatan atau antarabangsa lain; atau
 - c) CIMB mempunyai pendapat yang munasabah bahawa sebarang maklumat/ dokumen yang diberikan kepada CIMB adalah palsu dan/atau tidak betul dan/atau diubah dan/atau terdapat salah nyata identiti; atau
 - d) apabila berlakunya kematian atau hilang akal Pelanggan Layak atau jika Pelanggan Layak melakukan tindakan kebangkrutan; atau
 - e) Pelanggan Layak memungkirinya mana-mana Terma dan Syarat ini; atau
 - f) Pelanggan Layak memungkirinya mana-mana Terma dan Syarat yang mengawal akaun deposit atau produk pelaburan dengan CIMB; atau
19. CIMB berhak menghilangkan kelayakan mana-mana Pelanggan Layak yang diputuskan oleh CIMB sebagai:
- a) mengganggu proses kemasukan/penyertaan/permohonan; dan/atau
 - b) bertindak memungkirinya Terma dan Syarat ini.
20. CIMB berhak melanjutkan, memendekkan, memberhentikan, membatalkan, menamatkan atau menangguhkan Kempen dengan memberikan notis selama tujuh (7) hari kalendar terlebih dahulu kepada Pelanggan Layak melalui:
- i) pengumuman pada laman sesawang CIMB Bank; dan/atau
 - ii) notis di cawangan CIMB Bank; dan/atau
 - iii) apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.
- Untuk mengelakkan keraguan, CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan Layak terhadap apa-apa kerugian, ganti rugi, kos atau perbelanjaan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Pelanggan Layak, sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada apa-apa pembatalan, penangguhan, pemendekan atau pelanjutan Kempen.
21. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Pelanggan Layak atau mana-mana pihak terhadap apa-apa kerugian, kos atau ganti rugi (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, ganti rugi langsung atau tidak langsung, sampingan, turutan, teladan, punitif atau khas) akibat daripada:
- a) Penyertaan atau tanpa sertaan Pelanggan Layak dalam Kempen; dan/atau

- b) Apa-apa Khidmat Pesanan Ringkas (“SMS”) atau **eDM** yang tidak diterima atau diterima lewat oleh Pelanggan Layak

melainkan jika kerugian atau ganti rugi tersebut timbul daripada, dan disebabkan secara langsung oleh, kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja CIMB.

22. a) CIMB berhak mengubah, menambah, memotong atau meminda mana-mana Terma dan Syarat ini (“Pindaan”) dengan memberikan notis selama dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada Pelanggan Layak melalui:
- i) pengumuman pada laman sesawang CIMB Bank; dan/atau
 - ii) notis di cawangan CIMB Bank; dan/atau
 - iii) iklan dalam satu surat khabar pilihan CIMB; dan/atau
 - iv) apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.
- b) Pindaan hendaklah dianggap sebagai mengikat Pelanggan Layak dari tarikh seperti yang ditetapkan oleh CIMB dalam pemberitahuan itu.
- c) Jika perubahan itu dikehendaki oleh undang-undang atau mana-mana kaedah, peraturan, arahan, notis dan garis panduan (“**Peraturan**”), maka ia akan berkuat kuasa mengikut undang-undang dan Peraturan, dan CIMB akan memberitahu/memberikan notis kepada Pelanggan Layak tentang perubahan ini dengan seberapa segera yang mungkin.
- d) Pelanggan Layak bersetuju untuk mengakses laman sesawang CIMB Bank pada waktu selang yang tetap untuk melihat terma dan syarat Kempen dan untuk memastikan bahawa mereka mendapat maklumat kemas kini mengenai apa-apa perubahan kepada Terma dan Syarat ini.
23. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan Layak terhadap apa-apa kerugian, kos atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung Pindaan.
24. Pelanggan Layak hendaklah menanggung rugi, dan memastikan bahawa CIMB tetap ditanggung rugi, sepenuhnya terhadap sebarang fi, kos, caj, perbelanjaan, kerugian, ganti rugi atau liabiliti yang mungkin ditanggung oleh Bank akibat daripada:
- a) penyertaan Pelanggan Layak dalam Kempen; dan/atau
 - b) penerimaan atau penebusan Dana Unit Amanah Penyertaan dan FD/FD-i oleh Pelanggan Layak; dan/atau
 - c) kemungkiran atau kegagalan Pelanggan Layak untuk mematuhi Terma dan Syarat ini
25. Terma dan Syarat ini:
- a) hendaklah mengatasi apa-apa peruntukan atau representasi yang terkandung dalam mana-mana bahan lain yang mengiklankan Kempen; dan
 - b) harus dibaca bersama dengan terma dan syarat semasa produk dan/atau perkhidmatan CIMB yang berkaitan dengan Kempen, yang hendaklah terpakai sebagai tambahan kepada Terma dan Syarat ini.
26. Terma dan Syarat ini adalah tertakluk pada, dan ditafsirkan mengikut, undang-undang Malaysia dan kaedah, peraturan dan garis panduan Bank Negara Malaysia dan badan pengawalseliaan berkaitan lain yang padanya CIMB adalah tertakluk.
27. Jika CIMB tidak menggunakan sesuatu hak yang dipunyainya dalam Terma dan Syarat ini, perkara ini tidak menghalang CIMB daripada menggunakan hak itu atau mana-mana hak lain yang dipunyai oleh CIMB pada masa hadapan.
28. Laman sesawang CIMB mungkin mengandungi pautan kepada laman sesawang lain (“**Pautan Pihak Ketiga**”). CIMB tidak mempunyai kawalan ke atas, dan tidak memantau atau mengkaji semula kandungan Pautan Pihak Ketiga. Jika Pelanggan Layak mengklik pada Pautan Pihak Ketiga, maka Pelanggan Layak memahami bahawa mereka mengakses Pautan Pihak Ketiga atas risiko mereka sendiri, dan CIMB tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian yang mungkin ditanggung oleh Pelanggan Layak.

29. a) Pelanggan Layak boleh menghubungi Unit Penyelesaian Pelanggan (“CRU”) CIMB untuk apa-apa maklum balas dan/atau aduan berhubung dengan Kempen ini melalui surat, panggilan telefon dan e-mel:
Alamat: Peti Surat 10338, GPO Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan
No. Telefon: 603 6204 7788
E-mel: contactus@cimb.com
- b) CIMB boleh mengubah maklumat perhubungan di atas dengan memberitahu Pelanggan Layak melalui pengumuman pada laman sesawang CIMB Bank atau melalui mana-mana cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.
30. CIMB tidak bertanggungjawab atas kelewatan, kehilangan, ketidaksempurnaan, penyerahan salah, penangguhan, kesukaran untuk dibaca, kerosakan atau penyalaharahan permohonan Dana Unit Amanah Penyertaan dan FD/FD-i atau urusan surat-menyurat yang berkaitan, sama ada disebabkan oleh kesilapan, peninggalan, pengubahan, gangguan, pemotongan, kecurian, kemusnahan atau selainnya, melainkan perkara tersebut disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja CIMB.
31. Jika produk/perkhidmatan berkaitan dengan Kempen ini yang telah dilanggan oleh Pelanggan Layak adalah ditawarkan oleh CIMB Bank, sebarang pertanyaan Pelanggan Layak akan dikendalikan oleh CIMB Bank. Begitu juga jika produk/perkhidmatan ditawarkan oleh CIMB Islamic, kebimbangan Pelanggan Layak akan diberi perhatian oleh CIMB Islamic.
32. Terma dan syarat berikut hendaklah terpakai untuk Dana Unit Amanah Penyertaan;
- a) Prestasi masa lalu Dana Unit Amanah Penyertaan tidak menjadi petunjuk prestasi masa depan, dan pengagihan pendapatan tidak terjamin.
- b) Pelanggan Layak yang berasa ragu-ragu tentang tindakan yang perlu diambil seharusnya berunding dengan penasihat profesional mereka dengan segera.
- c) Pelanggan Layak dikehendaki supaya mematuhi semua terma dan syarat berkenaan dengan pelaburan mereka dalam Dana Unit Amanah Penyertaan.
- d) Dana pampasan di bawah Seksyen 158 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (CMSA):
- i) **tidak** melindungi Pelanggan Layak; dan
- ii) **tidak** terpakai untuk Pelanggan Layak yang telah mengalami kerugian kewangan akibat daripada pelepasan atau penyalahgunaan wang atau harta lain secara penipuan, oleh seorang pengarah, pegawai, pekerja atau wakil CIMB.
- e) Pelanggan Layak boleh membuat aduan kepada Unit Penyelesaian Pelanggan (CRU) CIMB seperti yang dinyatakan dalam Fasal 29 Terma dan Syarat ini jika Pelanggan Layak mengalami kerugian kewangan dalam hal keadaan di atas berkaitan dengan perbuatan pekerja CIMB Bank.
- f) Pelanggan Layak yang tidak berpuas hati dengan keputusan CRU CIMB boleh:
- i) merujuk kes itu kepada Pusat Penyelesaian Pertikaian Industri Sekuriti (“SIDREC”); atau
- ii) merujuk kes itu kepada Ombudsman untuk Perkhidmatan Kewangan dalam tempoh enam (6) bulan dari penerimaan keputusan muktamad daripada CIMB atau selepas 60 hari kalendar dari tarikh aduan difailkan dengan CIMB yang baginya tiada jawapan telah diterima oleh Pelanggan Layak; atau
- iii) menunjukan aduan itu kepada Jabatan Hal Ehwal Pelabur dan Pengaduan Suruhanjaya Sekuriti walaupun Pelanggan Layak telah memulakan proses penyelesaian pertikaian dengan SIDREC.